

KBS perlu tempoh dua bulan sama ada pilih UPM, Serdang atau Putrajaya

Venue stadium ragbi dikenal pasti

Oleh MUHD. ARDIE PUTRA SUHAIMI

MENTERI Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, pihaknya telah mengenal pasti lokasi stadium ragbi yang bakal digunakan skuad kebangsaan selepas mengesahkan venue tersebut akan dibina sama ada di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, Selangor atau Putrajaya.

Menurutnya, perbincangan fasa akhir sedang dilakukan bersama Perbadanan Putrajaya selain pihak pemilik tanah di Serdang sebelum Kementerian Belia dan Sukan (KBS) memerlukan dua bulan lagi untuk membuat pengumuman rasmi.

“Dua tapak stadium ragbi sudah dikenal pasti iaitu di UPM, Serdang atau Putrajaya. Cuma, masih banyak lagi perkara yang perlu KBS usahakan kerana kami dalam perbincangan dengan tuan tanah dan pihak perbadanan,” katanya kepada pemberita di Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil, Kuala Lumpur semalam.

Sementara itu, Khairy turut

mengesahkan banyak lagi penambahbaikan yang akan dilaksanakan melibatkan sukan ragbi termasuk mengimport Akademi Ragbi Antarabangsa New Zealand (Iranz) untuk membuka cawangan di Malaysia.

“Sukan ragbi mula membuahkan hasil dan menunjukkan kejayaan yang baik. Secara peribadi, baru-baru ini saya pergi ke New Zealand untuk melakukan perbincangan awal bersama Iranz mengenai kemungkinan untuk membina akademi mereka di sini.

“Selain itu, saya dan Kesatuan Ragbi Malaysia (KRM) juga berusaha untuk menjalinkan kerjasama dengan All Blacks (skuad kebangsaan New Zealand). Justeru, banyak lagi perkara yang KBS dan KRM sedang usahakan selain pembinaan stadium baharu,” jelasnya.

Khairy ditemui selepas pelancaran Larian Kuala Lumpur 2017 (KL2017) yang bakal memeriahkan temasya perasmian Sukan SEA yang dijadualkan berlangsung di Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada 19 Ogos depan.

Turut hadir Pegawai Eksekutif Sekretariat Jawatankuasa Pengelola Malaysia (MASOC) KL2017, Datuk Seri Zolkples Embong dan Setiausaha Agung Majlis Olimpik Malaysia, Datuk Low Beng Choo.

“Larian ini sangat penting kerana ia bakal dilangsungkan pada sebelah pagi, manakala perasmian temasya KL2017 adalah pada waktu malam. Justeru, kami mahu orang ramai turun untuk mempromosikan (KL2017), sekali gus mengikut tema temasya iaitu *Bangkit Bersama*.

“Sasaran yang diletakkan oleh KBS adalah seramai 20,000 penyertaan melibatkan dua kategori iaitu 5 kilometer (km) dan 15km. Setiap peserta yang menamatkan larian akan diberikan pingat kenangan Sukan SEA yang direka khas dan sijil penyertaan,” katanya.

Pendaftaran untuk menyertai larian tersebut akan dibuka sehingga 30 Jun depan dan yuran penyertaan adalah RM60 bagi kategori 15km dan RM50 bagi 5km. Maklumat lanjut boleh layari www.kualalumpur2017.com.my.

Cadangan pindah pusat latihan dari Melbourne ke Nilai dikaji

KEMENTERIAN Belia dan Sukan (KBS) akan menilai cadangan Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) untuk memindahkan pusat latihan skuad berbasikal negara yang berpangkalan di Melbourne, Australia ke Velodrom Nasional di Nilai, Negeri Sembilan.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menegaskan, keputusan tersebut tidak boleh dilakukan secara terburu-buru memandangkan jaguh berbasikal negara, Mohd. Azizulhasni Awang mendapat tajaan daripada pihak swasta meskipun masih berada di bawah Program Podium anjuran KBS.

“Saya akui keputusan tersebut terletak di tangan KBS kerana sebahagian besar kos latihan mereka ditaja sepenuhnya oleh pihaknya itu walaupun Azizulhasni dan beberapa pelumba lain memiliki penaja peribadi tetapi program itu di bawah Program Podium,” katanya.

Menurutnya, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan KBS terpaksa meneliti terlebih dahulu cadangan tersebut memandangkan jurulatih trek negara, John Beasley menetap di Melbourne selain latihan dan pertandingan yang ada di sana lebih kompetitif.

“Walaupun sudah memiliki velodrom sendiri, agak sukar untuk terus pindah ke Malaysia kerana kita masih kekurangan ekosistem pertandingan yang berkualiti tinggi, jadi rugilah buat pelumba-pelumba kita yang sudah menjalani latihan di persekitaran bertaraf dunia.

“Ia melibatkan banyak perkara dan saya akan berbincang dengan Majlis Sukan Negara (MSN), Institut Sukan Negara (ISN) serta pengurusan pembangunan sukan berbasikal terlebih dahulu.

“Mungkin kami akan meletakkan skuad pelapis di Nilai dan kekalkan skuad elit di Melbourne atau sebaliknya. Ia bergantung pada keputusan yang akan dibuat nanti,” jelasnya.

Kosmo! semalam melaporkan, Azizulhasni kurang bersetuju dengan cadangan PKBM kerana dia sudah selesai menjalani latihan di Melbourne sejak 10 tahun lepas yang disifatkan mempunyai fasiliti terbaik di dunia selain jadual pertandingan yang sistematik.



KHAIRY (tiga dari kanan) bersama Zolkples (dua dari kanan) dan Beng Choo (kiri) pada majlis pelancaran Larian KL2017 di Bukit Jalil, Kuala Lumpur semalam.